

21/01/1998

NEAC kaji naik harga jika wajar: Mahathir (HL)

Jamhariah Jaafar; Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Selasa - Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) akan mengkaji setiap permintaan untuk menaikkan harga barangan bagi memastikan langkah itu wajar dilaksanakan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak boleh mengetepikan langsung permohonan untuk menaikkan harga barangan khususnya produk yang mempunyai kandungan import.

Bagaimanapun, Perdana Menteri yang juga Pengerusi NEAC berkata, jika peniaga dibenarkan naik harga, rakyat juga akan merungut.

"Jadi yang pentingnya ialah kita kurangkan barangan import dan jika rugi peniaga, kita harus benarkan mereka naikkan harga supaya dapat keuntungan.

"NEAC akan selidik satu persatu permohonan itu. Yang mana boleh kekal harga lama, kita kekal. Kalau tak boleh kita kaji.

"Rakyat harus bersedia menerima segala kemungkinan itu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Institut Profesional Baitulmal (IPB), Yayasan Pembangunan Masjid dan buku bertajuk 'Masjid Dunia, Malaysia dan Kuala Lumpur' di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Pengerusi Eksekutif IPB Sdn Bhd, Tan Sri Hanafiah Ahmad.

Perdana Menteri berkata, NEAC yang akan bermesyuarat Khamis ini merangkumi ahli yang tidak melebihi 30 orang.

"Pada mesyuarat Khamis ini, kita juga akan menjemput semua menteri besar meskipun mereka bukan ahli dan beberapa wakil kewangan, profesional dan dewan perniagaan yang setengahnya turut menganggotai NEAC," katanya.

Selain itu, dua wakil kesatuan sekerja iaitu Cuepacs dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) turut menganggotai NEAC.

Mengenai keanggotaan pembangkang, Dr Mahathir berkata, parti pembangkang tidak dilantik menjadi anggota badan itu tetapi Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat, turut dijemput menyertai pertemuan Khamis ini.

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak meminta rakyat menghulurkan bantuan seperti yang dilakukan rakyat di negara lain yang sanggup menyerahkan barang kemas untuk membantu negara itu.

"Bagaimanapun, kerajaan berharap rakyat akan terus menyimpan dan melabur supaya wang itu boleh digunakan untuk membantu memberi pinjaman kepada peniaga," katanya.

Beliau berkata, jika peniaga tidak mendapat pinjaman, mereka menghadapi risiko muflis dan perniagaan mereka terpaksa ditutup.

Jika itu berlaku, katanya, kerajaan tidak akan dapat mengutip cukai sekali gus tidak boleh membantu memberi subsidi kepada rakyat.

Mengenai pertemuan dengan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong di Seban Cove, dekat Johor Bahru hari ini, Dr Mahathir berkata, mereka berbincang masalah ekonomi Asia Tenggara.

"Beliau anggap kalau kita tak berhati-hati ia akan menjadi satu masalah serius tetapi beliau nampak ada pemulihan dan berharap keadaan di Indonesia juga akan bertambah lega," katanya.

Perdana Menteri berkata, langkah menemui Goh juga berkaitan dengan pertemuan dengan Presiden Suharto sebelum ini kerana beliau berhasrat untuk berunding dengan (pemimpin) negara jiran.

"Februari ini, saya berhasrat ke Filipina dan Thailand," katanya.

Dr Mahathir berkata, Singapura juga berusaha membantu Indonesia mengikut kemampuannya.

(END)

